

**Najib pengerusikan mesyuarat MKN**  
**Malaysian Insider**  
**Jan 19, 2016**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya.

Mesyuarat kira-kira 2 jam itu turut dihadiri antaranya Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Md Zin, bekas ketua polis negara Tun Hanif Omar dan bekas panglima Angkatan Tentera Jen (B) Tan Sri Mohamed Hashim Mohd Ali.

Najib dalam satu kenyataan semalam memaklumkan mesyuarat MKN itu untuk membincangkan langkah keselamatan yang diambil dan perkembangan terkini termasuk insiden keganasan terbaru di Jakarta, Indonesia minggu lepas.

Beliau juga meminta rakyat Malaysia supaya tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat tidak sahih yang boleh mencetus kebimbangan umum berhubung tahap keselamatan negara.

Perdana Menteri juga berkata agensi keselamatan negara sudah diarah untuk meningkatkan lagi usaha menangani kemungkinan ancaman keganasan di negara ini susulan serangan pengganas di beberapa bandar besar dunia. – Bernama, 19 Januari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-pengerusikan-mesyuarat-mkn1>